

TARIKH	04 / 07 / 2014	SEKSYEN	SETEMPAT
MUKA SURAT	51	RUANGAN	

TH rai 90 anak yatim berbuka

Kuala Lumpur: Seramai 90 anak yatim daripada Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Sayang, Selangor diraikan dalam majlis berbuka puasa anjuran Tabung Haji (TH) Hotel dan Residences Sdn Bhd, semalam.

Dalam majlis itu, kanak-kanak dan remaja berusia antara dua hingga 15 tahun turut menerima duit raya yang disampaikan Ketua Pegawai Eksekutif TH Hotel dan Residences Sdn Bhd Abdul Halim Ismail.

Majlis dimulakan dengan persembahan daripada kanak-kanak pertubuhan berkenaan dan berlanjutan sehingga solat Tarawikh secara berjemaah.